

TEMA 16**1.8.2 Mendengar dan Bertutur****Kemahiran Menjanakan Pendapatan – muka surat 208**

Tahukah anda bahawa anda boleh menjanakan pendapatan melalui kemahiran?

Nurrizati Athira binti Mohamad Yusoff misalnya mendapat latihan sebagai jurukimpal di Kolej Vokasional Taiping, Perak. Nurrizati merupakan pelajar perempuan tunggal di kolej tersebut. Selepas itu, Nurrizati mengikuti kursus kimpalan di dalam air dengan bimbingan syarikat Weldzone Training Center Sdn. Bhd. Kini, dia diiktiraf sebagai jurukimpal di dalam air wanita yang pertama di Malaysia.

Muhammad Khalilbari bin Mohammad Sunaibari pula ialah pelajar Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Rembau, Negeri Sembilan dalam jurusan Agro Industri Penternakan. Segala ilmu yang dipelajarinya di Kolej Vokasional amat bermanfaat kepada Khalil dalam dunia pekerjaan yang sebenar. Khalil mengusahakan ladang ternakan lembu, kambing dan rusa.

Muhammad Nabil bin Mohd Azahari pula memininati seni lukis sejak di bangku sekolah lagi. Nabil bersekolah di Sekolah Seni Johor Bahru, Johor dan melanjutkan pelajaran dalam jurusan Seni Reka Grafik dan Digital Media di Universiti Teknologi Mara, Alor Gajah, Melaka. Melalui kemahiran seni lukis yang digemarinya, Nabil telah mengambil upah melukis mural. Nabil telah menubuahkan syarikat perniagaan secara berdaftar untuk bergiat secara serius dalam bidang ini.

Berbeza pula dengan Nur Atikah binti Jamaluddin yang pada mulanya hanya melukis sebagai hobi. Adiknya, Nur Amirah telah memberikan idea agar dia melukis pada beg kain. Atikah telah mencubanya dan memasarkan beg kain itu melalui Instagram. Tanpa disangka, kerja tangannya itu mendapat sambutan yang menggalakkan. Selepas itu, bermulalah kerjaya Atikah sebagai pengusaha kraf tangan beg kain dalam talian.

Ternyata kemahiran yang dikuasi boleh dimanfaatkan menjadi kerjaya yang menjanakan pendapatan. Moga ini menjadi inspirasi kepada remaja lain untuk mengasah bakat atau mempelajari kemahiran yang berkaitan dengan kerjaya.